

07/04/1998

Jangan cemari Islam (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam di negara ini supaya tidak mencemar imej dan agama semata-mata kerana menganggap jumlah mereka ramai dan terlindung di negara ini.

Dalam perutusan Aidiladha yang dikeluarkan di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, umat Islam juga tidak harus mencemarkan nama baik agama dengan tindakan tidak bertanggungjawab yang hanya didorong oleh nafsu.

Beliau menegaskan, sebarang penyelesaian masalah antara umat Islam dengan orang lain atau sesama sendiri, hendaklah mencerminkan pegangan mereka kepada ajaran al-Quran dan sunnah Rasulullah.

Umat Islam Malaysia sudah melihat malapetaka yang menimpa saudara seagama mereka di Palestin, Bosnia-Herzegovina dan Chechnya. Keadaan yang sama juga kini dialami oleh masyarakat Islam Albania di wilayah Kosovo, Serbia.

Berbanding di negara ini, umat Islam di kebanyakan negara lain terpaksa mengorbankan nyawa dan harta benda demi mempertahankan agama dan negara daripada dimusnahkan oleh musuh Islam.

"Di samping bersimpati dengan mereka, kita seharusnya bersyukur kerana masyarakat Islam di Malaysia tidak menempuh nasib yang serupa. Bahkan, kemajuan yang dicapai umat Islam Malaysia setakat ini, membuktikan kita tidak kurang kebolehan berbanding orang lain."

"Sedikit sebanyak kita dapat menyumbang kepada penebusan maruah umat Islam. Justeru, janganlah kita cemarkan imej dan imej Islam semata-mata kerana kita percaya kita ramai dan terlindung di negara kita," tegas Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata, Aidiladha mengajar umat Islam erti berkorban termasuk seperti yang dilakukan oleh Rasulullah apabila mengorbankan kepentingan ketika membuat Perjanjian Hudaibiyah, untuk mencapai kejayaan masa depan.

Dengan pengorbanan itu, katanya, Rasulullah pada tahun berikutnya bukan saja dapat masuk ke Makkah untuk menunaikan ibadat haji tetapi penduduk Makkah menerima Islam sepenuhnya.

Sambil menekankan pentingnya umat Islam mengekalkan perpaduan sedia ada, Perdana Menteri berkata, perpecahan dan permusuhan sesama sendiri harus dielakkan bagi memastikan nasib mereka terus terbela.

Walaupun umat Islam di negara ini boleh berbangga dengan kemajuan yang dicapai, mereka masih jauh daripada tahap kemajuan yang boleh menjamin ketahanan negara.

Ekonomi negara masih belum bebas daripada pelbagai gejala dan ancaman luar berikutan amalan konsep globalisasi serta pasaran bebas tanpa sempadan.

"Bagaimanapun, kita boleh bersyukur kerana setakat ini kita masih boleh mempertahankan kebebasan negara kita. Sama ada kita akan dapat terus mempertahankannya bergantung kepada kesanggupan kita membuat pengorbanan dalam cara hidup kita."

"Inilah masanya pengajaran daripada amalan korban yang dituntut oleh Islam digunakan untuk untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara," katanya.

Sempena Aidiladha esok, Perdana Menteri mendoakan jemaah haji Malaysia yang berada di Tanah Suci dapat melakukan ibadah dengan sempurna dan membawa pulang pengalaman mereka di sana untuk dimanfaatkan, terutama dalam mempertingkatkan keimanan.

(END)